



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKAITAN ANTARA SIKAP PELAJAR TERHADAP PENCAPAIAN
AKADEMIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
SAINS DALAM BAHASA INGGERIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



ABD.RAZAK BIN JUSOH
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM
2011**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PERKAITAN ANTARA SIKAP PELAJAR TERHADAP PENCAPAIAN
AKADEMIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
SAINS DALAM BAHASA INGGERIS**

ABD.RAZAK BIN JUSOH

**LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN INI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH)**



**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011





PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



28 APRIL 2011

ABD.RAZAK BIN JUSOH

M20071000288





PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat juga saya menyempurnakan penulisan laporan penyelidikan ini yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi ijazah sarjana pendidikan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan. Budi mereka yang sangat mulia itu hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya, Prof.Madya Dr. Abd. Latif Bin Hj. Gapor kerana memberi banyak tunjuk ajar, bimbingan dan panduan yang amat berharga dari awal sehinggalah kajian ini disempurnakan.

Sekalung penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada pengetua iaitu Tn.Hj.Abd.Mutalib bin Mohd serta Penolong Kanan Akademik iaitu Encik Razali bin Omar kerana memberi kebenaran kepada saya menjalankan kajian di sekolah ini. Saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan sejawatan saya Pn. Robiah bt. Hassan kerana membantu saya menyiapkan kajian ini. Kepada pelajar - pelajar yang telah menjadi sampel kajian ilmiah ini, terima kasih, kerjasama anda amat saya hargai.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Isteri saya Pn.Amimah Nor bt. Harun kerana sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya serta memberi dorongan, semangat serta motivasi di dalam menyiapkan kajian ini. Sekalung budi sejangkit kasih kepada anak-anakku Nurul Anis Amira, Nur Amila Syahira, Nur Athirah Adhana dan Mohd. Aizat Syahmin yang sentiasa memahami kesibukan bapanya dan telah banyak mengorbankan keselesaan hidup dan terpaksa bersabar sepanjang saya menyiapkan laporan ini.

Akhir kalam, harapan saya agar segala dapatan daripada kajian ini nanti sedikit sebanyak dapat membantu serta menjadi panduan kepada pengkaji seterusnya dan akan menjadi rujukan kepada pihak-pihak yang memerlukan satu hari kelak.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini dibuat bagi mengetahui hubungan perkaitan di antara sikap dan pencapaian pelajar terhadap pengajaran Sains dalam Bahasa Inggeris. Kajian dijalankan menggunakan kaedah soal-selidik, kepustakaan, perbincangan dengan pensyarah dan guru-guru Sains. Satu set soalan soal selidik telah disediakan untuk mengumpul dan meninjau pandangan dan pendapat pelajar tentang pelaksanaan pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris. Huraian keputusan kajian ini pada keseluruhannya dibuat secara statistik deskriptif dengan menggunakan jadual frekuensi dan peratusan. Pengkaji juga menggunakan Crosstab dan Ujian Khi Kuasadua untuk melihat perhubungan yang signifikan antara dua variabel.

Min dan Standard Deviation digunakan untuk melihat masalah pelajar mempelajari Sains menggunakan Bahasa Inggeris. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar menunjukkan sikap yang negatif terhadap pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris. Pelajar menunjukkan sikap yang negatif terhadap pengajaran guru dan kurang menunjukkan minat dan kesungguhan dalam mempelajari mata pelajaran Sains. Selain itu mereka juga bersikap negatif terhadap kepentingan Sains dari segi pendidikan, Sains dan teknologi. Kebanyakan pelajar yang dikaji mendapati mereka merasakan situasi pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris agak 'membebankan', 'menyukarkan' serta 'mengelirukan'.

Mereka juga merasa bosan kerana kurang mendapat kerjasama daripada rakan-rakan dan guru Sains. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan pencapaian pelajar. Selain daripada itu, pelajar juga menghadapi masalah dalam pembelajaran iaitu masalah pertuturan dan masalah memahami buku teks Sains yang ditulis dalam Bahasa Inggeris. Dapatan kajian juga mendapati pelajar menghadapi masalah dalam membuat latihan di mana mereka tidak mampu untuk menyiapkannya dengan betul jika tidak mendapat bantuan dan jika tidak dapat meniru kawan. Ini menunjukkan pelajar kurang berminat terhadap mata pelajaran Sains kerana mereka sukar memahami isi pelajaran kerana ianya diajar menggunakan Bahasa Inggeris walaupun mereka sedar akan kepentingannya untuk masa depan.





ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN ATTITUDE AND STUDENT ACHIEVEMENT IN THE TEACHING OF SCIENCE IN ENGLISH

The purpose of the study was to find out the relationship between students attitude and their achievement towards learning Science in English. The study was done through questionnaire, library research, discussion with the lecturers and teachers who were teaching Science in gathering the data. A set of questionnaires was prepared to get the data on students perceptions on the teaching of Science by using English language as a medium of instructions. The data was analysed by using the descriptive statistics which is shown in the frequency table and also in the form of percentage. The researcher also used Min and Standard Deviation to look at the level of students problem and use Crosstab and Chi-square test to look at the significant level of two variables.

The results showed that majority of the students have negative perceptions towards the use of English language in teaching Science. They also showed negative attitude towards their teachers' teaching and it reflected in their interest in learning Science. They also agreed on the importance of Science academically, socially, economically and technology. However it was found that students felt the learning of Science in English it is difficult, burdensome, and confusing.

However they do not feel bored with the subject with the help of their friends and teachers. It also stated that there is a significant relationship between students' attitude and achievement. Besides that, students also face problems in learning especially in speaking and understanding the textbook which is now in English. In addition, the results showed that students are facing problem in doing exercises where they cannot do it correctly if they do not get any help or copying their friends' work. It shows that the students are less interested in learning Science because they do not really understand the content or the syllabus as it is taught in English even though they are aware of its importance in the future.





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Perbandingan Kelulusan SPM Sekolah Menengah Kompleks Rantau Abang, Dungun, Terengganu.	6
1.9 Rajah Model Konseptual	21
3.4 Subjek Kajian	40
3.4.1 Taburan sampel mengikut jantina	41
3.4.2 Taburan sampel mengikut kedudukan kelas	41
3.4.3 Taburan sampel mengikut kaum	42
3.4.4 Taburan sampel mengikut tempat tinggal	42
3.4.5 Taburan sampel mengikut Gred Sains Pertengahan Tahun	43
3.4.6 Taburan sampel mengikut gred Sains Akhir Tahun	44
3.8 Jadual Item Sikap	46
3.9 Jadual Interpretasi Min	50
4.1 Taburan sampel mengikut jantina	55
4.2 Taburan sampel mengikut kaum	55
4.3 Taburan sampel mengikut kelas	56
4.4 Taburan sampel mengikut gred Sains UPSR	57
4.5 Taburan sampel mengikut Sains Akhir Tahun	58
4.6 Taburan responden mengikut sikap pelajar terhadap Situasi pembelajaran	59
4.7 Taburan responden mengikut sikap terhadap P&P guru	60





Jadual

Muka Surat

4.8	Taburan responden mengikut sikap pelajar terhadap minat dan kesungguhan mempelajari Sains	63
4.9	Taburan responden mengikut sikap pelajar terhadap kepentingan Sains dalam bidang pendidikan	65
4.10	Taburan responden mengikut sikap pelajar terhadap kepentingan Sains dalam bidang Sains dan teknologi	67
4.11	Min dan Standard Deviation masalah pelajar terhadap Pengajaran Sains menggunakan BI	69
4.12	Perhubungan di antara sikap pelajar terhadap situasi pembelajaran dengan Gred Sains UPSR	72
4.13	Perhubungan di antara sikap sikap pelajar terhadap situasi pembelajaran dengan Tingkatan Satu	74
4.14	Perhubungan di antara sikap pelajar terhadap P&P guru dengan Gred Sains Tingkatan Satu	76
4.15	Perhubungan antara sikap pelajar terhadap minat dan kesungguhan mempelajari Sains dengan Gred Sains Tingkatan Satu	78
4.16	Perhubungan di anantara sikap pelajar terhadap kepentingan mempelajari Sains dalam bidang pendidikan dengan Gred Tingkatan Satu	80
4.17	Perhubungan di anata sikap pelajar terhadap kepentingan mempelajari Sains dalam bidang Sains dan teknologi dengan Gred Sains Tingkatan Satu	81



SENARAI SINGKATAN KATA

ETeMS	- English Teaching Matematics and Science
IQ	- Inteligence Quotient
IPT	- Institut Pengajian Tinggi
JPN	- Jabatan Pelajaran Negeri
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
PB	- Pembelajaran
P&P	- Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
PPK	- Pusat Perkembangan Kurikulum.
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TIMSS	- Third International Mathematics and Science Study
UPSR	- Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

KANDUNGAN

PENGAKUAN	Muka Surat i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI SINGKATAN KATA	vii
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pengajaran Sains Menggunakan BI	3
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Rasional Kajian	7
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	13
1.6 Signifikan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	15
1.8 Defini Istilah / Konsep	15
1.8.1 Sikap	15
1.8.2 Pencapaian Akademik Pelajar	18
1.8.3 Pelajar	19

1.8.4 Tempat Kajian (sekolah)	20
1.8.5 Pengajaran Sains Menggunakan BI	20
1.9 Model Konseptual	21
1.10 Kesimpulan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	23
2.1 Konsep dan Defini Sikap	23
2.2 Kajian-Kajian Tentang Sikap dan Pencapaian Pelajar	26
2.3 Pengajaran Sains Menggunakan BI	32
2.4 Kesimpulan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	37
3.1 Reka Bentuk Kajian	37
3.2 Lokasi Kajian	38
3.3 Limitasi Kajian	39
3.4 Subjek Kajian	39
3.5 Alat Kajian	44
3.6 Kajian Rintis	48
3.7 Prosedur Penggumpulan Data	48
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	49
3.9 Penganalisan Data	50
3.10 Kesimpulan	53

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	54
4.1 Latar Belakang Sampel	54
4.1.1 Jantina	54
4.1.2 Bangsa	55
4.1.3 Kedudukan Kelas	56
4.1.4 Pencapaian Sains Pertengahan Tahun	57
4.1.5 Pencapaian Sains Akhir Tahun	58
4.2 Analisis Data dan Dapatan Kajian	59
4.2.1 Sikap Pelajar Terhadap Pengajaran Sains Menggunakan BI	59
4.2.1.1 Sikap Pelajar Terhadap Situasi Pembelajaran	59
4.2.1.2 Sikap Pelajar Terhadap Pengajaran Guru	61
4.2.1.3 Sikap Pelajar Terhadap Minat Dan Kesungguhan Mempelajari Sains	63
4.2.1.4 Sikap Pelajar Terhadap Pentingnya Sains Dalam Bidang Pendidikan	65
4.2.1.5 Sikap Pelajar Terhadap Pentingnya Sains Dalam Bidang Sains dan Teknologi	67
4.2.2 Masalah Pelajar Terhadap Pengajaran Sains Menggunakan BI	69
4.2.3 Perkaitan Di Antara Pencapaian Sains Tingkatan Satu Dengan Pencapaian Sains UPSR	72



4.2.4	Perkaitan Di Antara Sikap Pelajar Dengan Pencapaian Sains Akhir Tahun Tingkatan Satu	73
4.2.4.1	Perhubungan Di Antara Sikap Pelajar Terhadap Situasi Pembelajaran Dengan Gred Sains.	74
4.2.4.2	Perhubungan Di Antara Sikap Pelajar Terhadap Pengajaran Guru Dengan Gred Sains.	76
4.2.4.3	Perhubungan Di Antara Minat dan Kesungguhan Mempelajari Sains Dengan Gred Sains.	78
4.2.4.4	Perhubungan Di Antara Kepentingan Mempelajari Sains Dalam Bidang Pendidikan Dengan Gred Sains.	80
4.2.4.5	Perhubungan Di Antara Kepentingan Mempelajari Sains Dalam Bidang Sains Dan Teknologi Dengan Gred Sains.	81

4.3	Kesimpulan	83
-----	------------	----

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	84
5.1	Kesimpulan Dan Rumusan Dapatan Kajian.	84
5.1.1	Sikap Pelajar Terhadap Pengajaran Sains Menggunakan BI.	84





5.1.1.1	Sikap Pelajar Terhadap Situasi Pembelajaran.	85
5.1.1.2	Sikap Pelajar Terhadap Pengajaran Guru.	85
5.1.1.3	Sikap Pelajar Terhadap Minat Dan KesungguhanMempelajari Sains.	86
5.1.1.4	Sikap Pelajar Terhadap Pentingnya Sains Dalam Bidang Pendidikan	86
5.1.1.5	Sikap Pelajar Terhadap Pentingnya SainsDalam Bidang Sains Dan Teknologi.	87
5.1.2	Masalah-Masalah Pelajar Dalam Mempelajari Sains Menggunakan BI.	87
5.1.3	Hubungan Antara Pencapaian Sains Tingkatan Satu Dengan Gred UPSR.	88
5.1.4	Hubungan Antara Sikap Pelajar Dengan Gred Sains Tingkatan Satu.	89
5.2	Perbincangan Dapatan	90
5.2.1	Masalah-Masalah Pelajar Mempelajari Sains Dalam BI.	90
5.2.2	Hubungan Antara Gred Sains Dengan Gred UPSR.	91
5.2.3	Hubungan Antara Sikap Pelajar Terhadap Sains Menggunakan BI dengan Gred Sains.	92



5.3 Cadangan-Cadangan	96
5.3.1 Cadangan Kajian Susulan	96
5.3.2 Peningkatan Pengajaran Sains Menggunakan BI	97
5.3.3 Aspek Kajian Dan Penyelidikan	98
5.3.4 Peranan Kementerian Pelajaran & Institusi	98
5.3.5 Peranan Kementerian Pelajaran	99
5.3.6 Bahagian Peperiksaan	100
5.3.7 Bahagian Pendidikan Guru (BPG)	101
5.3.8 Bahagian Pelajaran Negeri dan Daerah	101
5.3.9 Pihak Sekolah	102
5.3.10 Pihak Guru	103
5.3.11 Pihak Ibu Bapa	104
5.4 Kesimpulan	104
BIBLIOGRAFI	106
LAMPIRAN	



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perubahan dan perkembangan pesat telah berlaku dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang pendidikan di negara ini. Dasar atau polisi pelajaran yang baru bagi negara telah digubal untuk disesuaikan dengan hasrat dan aspirasi sesebuah negara yang merdeka bagi menggantikan dasar pelajaran penjajah Inggeris.

Dasar pelajaran baru yang dikenali sebagai Penyata Pelajaran 1956 atau disebut juga Penyata Razak 1956 menegaskan tentang pembentukan suatu sistem yang berbentuk dan bertujuan kebangsaan serta berasaskan bahasa kebangsaan di samping mengekalkan dan memelihara bahasa serta kebudayaan lain. Dasar ini dikanunkan di dalam undang-undang pelajaran tahun 1957 dan ianya ditegaskan lagi di dalam laporan pelajaran 1960 atau disebut sebagai Penyata Rahman Talib. Berpanduan syor-syor yang terdapat di dalam penyata inilah sebahagian besar amalan di dalam sistem pendidikan di Malaysia di dasarkan. Antara syor-syor





yang terdapat di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah :

1. Menyediakan sukatan pelajaran yang sama dan bercorak Malaysia di semua sekolah, disamping penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama disekolah-sekolah bersama-sama dengan Bahasa Inggeris, Cina, Tamil di peringkat rendah dan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah.

2. Pertukaran penggunaan Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah adalah merupakan satu perubahan yang penting di dalam sistem pendidikan. Timbul anggapan dalam kalangan sesetengah pelajar bahawa Bahasa Inggeris sudah tidak penting lagi. Mungkin sikap negatif yang ditunjukkan oleh kebanyakan pelajar menyebabkan pencapaian

pelajar di dalam matapelajaran tersebut kian merosot. Kemerosotan ini boleh dilihat berdasarkan kepada keputusan di dalam beberapa peperiksaan awam yang dijalankan seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang semakin merosot. Selain itu pelajar lepasan institusi-institusi pengajian tinggi juga lemah dan gagal berkomunikasi dengan baik di dalam Bahasa Inggeris, keadaan ini menyebabkan mereka sukar untuk bersaing bagi mendapatkan pekerjaan terutamanya di dalam sektor swasta yang sememangnya mementingkan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Dalam menghadapi era



globalisasi, kita haruslah bersedia dari semua aspek terutamanya Bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa antarabangsa. Fenomena atau senario inilah yang menyebabkan kerajaan menjalankan satu program yang drastik di dalam sistem pendidikan negara iaitu pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains menggunakan Bahasa Inggeris demi keperluan tenaga kerja dalam zaman teknologi maklumat masa kini.

1.1 Pengajaran Sains Menggunakan Bahasa Inggeris

Kerajaan telah mengambil keputusan dan juga telah mengumumkan bahawa pelaksanaan pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris akan dilaksanakan mulai sesi persekolahan 2003. Keputusan yang diambil oleh kerajaan ini adalah muktamad, meskipun mendapat banyak bantangan dari pelbagai pihak, namun ianya akan tetap dilaksanakan juga secara berperingkat bermula di tahun satu, tingkatan satu dan tingkatan enam rendah.

Kerajaan berpendapat bahawa penguasaan Bahasa Inggeris adalah amat penting dalam menghadapi cabaran globalisasi serta ledakan maklumat masa kini. Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa serta bahasa ilmu utama dunia yang perlu dikuasai oleh rakyat Malaysia khususnya bagi menghadapi ledakan kemajuan globalisasi. Kebanyakan maklumat-maklumat penting yang perlu dipelajari bagi menguasai kemahiran Sains dan Teknologi serta di dalam bidang ekonomi hampir keseluruhannya terdapat di dalam Bahasa Inggeris



lantaran itu pembelajaran menggunakan Bahasa Inggeris dalam bidang Sains dan Matematik amat perlu dan tidak merugikan.

1.1.1 Tujuan Pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Matematik dan Sains Dalam Bahasa Inggeris.

Kerajaan mempunyai sebab dalam menggubal dasar ini bagi dilaksanakan disekolah – sekolah, antara sebab yang utama ialah:

- a. Memberi peluang awal terutamanya kepada kanak-kanak untuk menguasai bahasa tersebut.
- b. Membantu murid-murid menguasai ilmu pengetahuan dengan lebih baik di dalam dua matapelajaran iaitu Matematik dan Sains.
- c. Membantu murid-murid supaya dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik.

Adalah lebih baik pelaksanaan program ini dimulakan seawal tahun satu supaya murid-murid dapat menguasai Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan lebih baik dan seterusnya menjadi pelajar yang benar-benar bilingual. Kajian Ilmiah yang dilakukan di Malaysia, Amerika Syarikat, Kanada Singapura dan Switzerland menunjukkan pelajar-pelajar yang bilingual mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik. Bidang Sains dan Matematik juga merupakan bidang ilmu yang cepat berkembang. Maklumat-maklumat terbaru yang berkaitan dengan bidang ini luas disebarikan melalui





pelbagai media seperti suratkhbar, buku-buku, jurnal dan internet yang kebanyakannya ditulis dalam Bahasa Inggeris.

1.1.2 Pelaksanaan Pengajaran Sains Menggunakan Bahasa Inggeris.

Dasar penggunaan Bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains telah dilaksanakan secara berperingkat di sekolah-sekolah bermula di tahun satu, tingkatan satu dan tingkatan enam rendah mulai tahun 2003. Dalam tempoh masa enam tahun semua peringkat persekolahan dari tahun satu hingga ke tingkatan enam atas akan menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains. Pelaksanaan secara berperingkat ini adalah bertujuan menentukan semua sekolah mempunyai masa yang cukup untuk membuat persediaan bagi melaksanakan dasar ini dengan lebih baik. Di peringkat Kementerian Pelajaran sebuah Jawatankuasa Induk dan 15 Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan bagi menentukan pelaksanaan dasar ini berjalan dengan lancar. Di antara pesediaan-persediaan yang diatur ialah :

- a. Penyediaan perisian computer.
- b. Penterjemahan buku-buku teks.
- c. Pembekalan bahan-bahan sokongan seperti buku-buku dan “courseware”.
- d. Penyediaan modul-modul dan lembaran aktiviti.
- e. Pembelian computer dan projektor LCD.
- f. Melatih guru-guru.
- g. Mengadakan skim insentif bagi guru-guru yang terlibat.



1.2 Penyataan Masalah

Kelemahan penguasaan pelajar dalam matapelajaran Bahasa Inggeris bukanlah sesuatu yang baru. Keadaan ini boleh lihat setiap kali keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) diumumkan, didapati Bahasa Inggeris menjadi salah satu faktor yang menghalang pelajar mencapai 5A di kebanyakan sekolah, terutama di sekolah-sekolah luar bandar. Demikian juga halnya dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula terdapat kelompok pelajar yang memperolehi keputusan yang baik dalam matapelajaran yang lain kecuali Bahasa Inggeris. Sebagai contoh jadual 1.1 iaitu data di Sekolah Menengah Kompleks Rantau Abang, Dungun, Terengganu yang dibentangkan dibawah.

Jadual Perbandingan Kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sekolah Menengah Kompleks Rantau Abang,Dungun, Terengganu 2010.

Tahun	Peratus Kelulusan Matapelajaran Lain	Peratus Kelulusan Bahasa Inggeris
2009	86.1	54.1
2010	88.4	52.6

Sumber data SMK Kompleks Rantau Abang Dungun, Terengganu, 2010.

Sesetengah pelajar mendapat keputusan yang baik dalam Bahasa Inggeris tetapi gagal berkomunikasi dengan baik di dalam di dalam bahasa tersebut, kesannya



akan memungkinkan pelajar tersebut tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik apabila berada di institusi pengajian tinggi (IPT).

Bagi mengatasi kelemahan pelajar dalam Bahasa Inggeris, pelbagai pihak telah mengemukakan pelbagai pandangan serta pendapat yang berbeza-beza. Ada pihak yang meminta kerajaan menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah bagi menggantikan Bahasa Melayu dan ada pihak yang mengusulkan penubuhan sekolah aliran Inggeris. Kerajaan telah menggubal dasar penggunaan Bahasa Inggeris sebagai medium untuk digunakan bagi mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah, manakala untuk matapelajaran yang lain ianya akan terus diajar dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah kebangsaan.

1.3 Rasional Kajian

Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini dijalankan bertepatan dengan masanya memandangkan masih tiada kajian yang dibuat sepanjang pengetahuan pengkaji tentang kajian sikap dan pencapaian pelajar Tingkatan Satu terhadap matapelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris di sebuah sekolah menengah harian di daerah Dungun. Adalah diharapkan temuan awaldaripada dapatan kajian ini dapat dijadikan asas perancangan pendidikan kepada pihak-pihak yang terlibat



dengan pengurusan pendidikan khususnya Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT), pejabat-pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah-sekolah.

Sebagai usaha lanjutan, pihak yang relevan dan bertanggungjawab dapat menyambung usaha ini dengan bekerjasama dengan membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan Pejabat Pelajaran Daerah Dungun bagi mengatasi masalah yang wujud di dalam pembelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris, terutamanya bagi sekolah-sekolah diluar bandar yang serba kekurangan dan lemah pula dalam pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris.

Dengan menggunakan data-data dan penemuan kajian sebagai landasan untuk memulakan sesuatu usaha bagi memahami faktor dalaman dalam diri pelajar seperti faktor sikap. Pihak yang bertanggungjawab seperti Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pula diharapkan dapat menjadikan dapatan kajian ini bagi tujuan menganalisis dan menilai kurikulum Sains menggunakan Bahasa Inggeris yang sedia ada. Daripada analisis dapatan yang dibuat, diharapkan satu penilaian yang lebih tepat dapat dilakukan terhadap keupayaan kurikulum Sains menggunakan Bahasa Inggeris bagi meningkatkan *proficiency* pelajar-pelajar dalam mata pelajaran ini. Adalah menjadi tanggungjawab BPK untuk merangka satu sukatan pelajaran dan modul-modul pembelajaran yang lebih menarik dan dinamik sifatnya selaras dengan prinsip-prinsip psikologi pembelajaran supaya



dapat membentuk sikap yang positif serta dapat meningkatkan motivasi para pelajar dan para guru terhadap pengajaran dan pembelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris, di samping dapat menanam sikap meminati matapelajaran Sains dan pada masa yang sama meminati Bahasa Inggeris.

Kepada guru-guru diharapkan dapatan kajian seumpama ini akan dapat menjadikan sebahagian daripada sumber data untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), khususnya dalam matapelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris ke tahap yang optimum. Hakikat bahawa matapelajaran Sains di sekolah merupakan antara matapelajaran yang kurang diminati dan menimbulkan kebosanan bukanlah satu rahsia khususnya pelajar-pelajar luar bandar. Tambahan pula, sekarang Sains diajar dalam Bahasa Inggeris, Keadaan ini akan membebankan lagi pelajar-pelajar. Jika fenomena ini berterusan pelajar-pelajar semakin tidak bermotivasi dan akan membentuk sikap dan tanggapan yang sangat negatif terhadap Sains. Diharapkan dapatan kajian akan menjadi maklumbalas bagi tujuan P&P yang lebih bermakna.

Dengan konteks ini para guru dapat menumpukan aspek metodologi dan psikologi yang utama untuk membentuk sikap yang positif dan meningkatkan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Sains. Pengkaji juga berpendapat kajian ini penting dijalankan memandangkan pada peringkat awal pelaksanaan program pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris, reaksi masyarakat





kebanyakannya mengkritik pelaksanaan program ini. Antara alasan mereka ialah: Pertama, program ini menyusahkan pelajar untuk memahami istilah dan bahasa bagi Sains dan Matematik. Kedua, Program ini akan melenyapkan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Ketiga, sesetengah kaum pula bimbang bahasa ibunda mereka akan lenyap. Dakwaan ini menyebabkan bantahan daripada tiga Persatuan Cina iaitu, Jiao Zhong, Dong Zhong dan Dewan Perniagaan Cina Selangor (DPCS). Melalui pelaksanaan dasar-dasar ini akan menukarkan ciri-ciri Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang sedia ada. Keempat, mereka masih bimbang masalah lemah dalam Bahasa Inggeris akan merebak dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Oleh itu, melalui



kajian ini, diharapkan dapat mengenalpasti:

- i. Sejauh manakah realitinya kebimbangan masyarakat itu.
- ii. Pengetahuan tentang sikap prlajar terhadap pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris akan memberi kekuatan kepada kita untuk mremupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris pada masa depan.
- iii. Melalui kajian ini juga kita dapat memahami masalah-masalah yang berkaitan dengan proses P&P Sains dalam Bahasa Inggeris yang dihadapi pelajar-pelajar dan guru. Langkah positif perlu segera diambil bagi mengatasi



masalah tersebut seperti menyemak semula strategi P&P atau corak latihan yang diberi kepada guru.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat pertalian di antara sikap pelajar Tingkatan Satu terhadap pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris dengan pencapaian mata pelajaran tersebut. Untuk menilai sikap pelajar terhadap pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris, konstruk sikap dilihat melalui empat dimensi iaitu sikap yang berhubung dengan pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris.

Dimensi pertama ialah sikap terhadap pengajaran Sains yang diajar dalam Bahasa Inggeris. Ianya dinilai dari segi situasi pembelajaran dan proses pengajaran guru.

Dimensi kedua ialah minat terhadap matapelajaran Sains yang diajar dalam Bahasa Inggeris, ianya dilihat dari segi kesungguhan, iltizam dan semangat untuk terus mempelajari matapelajaran tersebut walaupun diajar dalam Bahasa Inggeris.

Dimensi ketiga ialah sikap pelajar terhadap kepentingan matapelajaran Sains yang diajar dalam Bahasa Inggeris dalam bidang pendidikan. Kajian ini

melihat adakah pelajar menilai kepentingan menguasai Sains dalam Bahasa Inggeris untuk mereka melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi(IPT).

Dimensi keempat ialah sikap pelajar terhadap kepentingan-kepentingan Sains dalam Bahasa Inggeris kepada bidang sains dan teknologi.

Adalah diandaikan sekiranya pelajar mempunyai sikap yang positif bagi dimensi ketiga dan keempat serta terdapat pula hubungan dengan pencapaian mereka dengan pencapaian ini bermakna pelajar tersebut meminati Sains kerana nilai utilitariannya dan sememangnya dikehendaki oleh pelajar dan bukan paksaan dari mana-mana pihak.

Tujuan kedua ialah untuk melihat apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris dan adakah masalah-masalah ini memberi kesan kepada pencapaian mereka. Kajian ini juga dibuat bertujuan melihat perkaitan antara pencapaian matapelajaran Sains Tingkatan Satu dengan pencapaian Sains dalam UPSR.

Tujuan ketiga adalah untuk melihat perkaitan antara sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar di mana dinilai melalui Peperiksaan Akhir Tahun 2009, iaitu semasa pelajar berada di tingkatan satu.



1.5 Soalan Kajian

Persoalan kajian ini dibina berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Sehubungan dengan itu adalah diharapkan melalui kajian ini ianya akan memberi jawapan kepada beberapa persoalan yang mempunyai hubungkait dengan permasalahan pengajaran dan pembelajaran Sains di dalam Bahasa Inggeris, persoalan-persoalannya adalah seperti berikut:

- i. Apakah sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris?
- ii. Adakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka?
- iii. Adakah terdapat hubungan atau korelasi di antara pencapaian Sains Tingkatan Satu dengan pencapaian Sains UPSR?
- iv. Adakah terdapat perkaitan antara sikap pelajar terhadap pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Satu.



1.6 Signifikan Kajian

Dapatan kajian ini nanti diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam usaha meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan dasar pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris walaupun kedengaran di akhir-akhir ini dasar ini akan ditarik balik. Maklumat-maklumat ini diharapkan dapat membantu menjawab persoalan-persoalan yang wujud dalam kalangan para pendidik, pentadbir, ibubapa serta masyarakat umum tentang status serta hala tuju matapelajaran Sains yang diajar menggunakan Bahasa Inggeris. Kementerian Pelajaran pula boleh menggunakan dapatan kajian ini bagi tujuan meninjau dan memantau serta membuat penilaian tentang keberkesanan pelaksanaan pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris dengan tumpuan khusus diberikan kepada permasalahan pelaksanaan dan pencapaian dalam matapelajaran ini di sekolah menengah.

Kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu perancangan kursus *English Teaching Mathematics and Science* (ETeMS) yang diperlukan oleh guru-guru Sains dan Matematik di sekolah rendah mahupun sekolah menengah bagi tujuan menambah baik serta mempertingkatkan lagi tahap pengajaran guru-guru Sains. Di samping itu, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi peluang kepada para pelajar melahirkan pandangan yang positif dalam menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru-guru Sains.

Akhir sekali dapatan kajian ini juga boleh diambil dan dimanfaatkan oleh guru-guru Sains untuk menilai diri sendiri khususnya tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah hasil daripada maklum balas pelajar.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar tingkatan dua yang sedang belajar di sebuah sekolah menengah di daerah Dungun. Seramai 100 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Oleh itu dapatan kajian terbatas kepada pelaksanaan pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris di sekolah tersebut sahaja. Oleh itu adalah kurang tepat dan tidak sesuai sekiranya dapatan ini digeneralisasikan kepada sekolah yang lain.

1.8 Definisi Istilah-istilah

Beberapa konsep penting dalam kajian akan didefinisikan menurut kesesuaian untuk kajian ini.

1.8.1 Sikap

Brady (1990), mendefinisikan sikap sebagai reaksi evaluative terhadap sesuatu rujukan atau objek sikap, ianya disimpulkan berdasarkan kepercayaan atau pendapat seseorang individu tentang sesuatu kajian. Daryanto (1999) pula berpendapat sikap adalah satu elemen pre-deposisi untuk bertingkah laku



dengan cara-cara tertentu terhadap seseorang atau situasi. Mengikut Atan Long (1987), sikap merupakan pembawaan tingkah laku seseorang yang dipengaruhi oleh emosi untuk bertindak balas dengan cara-cara yang tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, sesuatu isu-isu tertentu atau benda-benda. Sikap mempunyai asasnya tersendiri yang berpunca daripada desakan dalaman, tabiat yang dipelajari dan pengaruh daripada alam sekitar. Dengan kata lain, sikap merupakan pembawaan yang terbit daripada keinginan peribadi dan rangsangan kumpulan. Ia adalah sebahagian daripada personaliti individu itu sendiri tetapi dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku kumpulan atau beberapa kumpulan yang ada dengannya. Sikap juga dikatakan mempunyai pengaruh yang penting kepada setiap individu, ia bertindak sebagai sebab dan akibat kepada tingkah laku. Sikap bukanlah semulajadi tetapi ianya diperolehi dan diperkembangkan melalui pengalaman.

Sikap juga merupakan satu set perilaku atau rasmi (kesediaan, kecondongan dan kecenderungan) untuk bertindak ke arah satu objek mengikut cirri-cirinya setakat mana kita sudah menjadi kebiasaannya. Apabila sikap ini bertindak cergas, ia akan disebut sebagai *rasmi* dan apabila satu sikap itu mengandungi perasaan yang kuat, maka ia disebut sebagai *sentiment*. Sikap mempunyai tiga komponen penting iaitu komponen kognitif, afektif dan psikomotor. Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), mendefinisikan sikap sebagai



dynamicechology. Untuk mengukur serta mengesan sikap ianya perlulah dilihat melalui perlakuan, pertuturan, fikiran dan perasaan seseorang itu terhadap sesuatu, oleh itu jika pengukuran sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris hendak dibuat, maka ianya boleh dilihat kepada perlakuan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan temubual dengan mereka.

Tay Meng Guat (1998), menyatakan sikap ialah gabungan, pemikiran perasaan dan tingkah laku dalam keinginan untuk melakukan sesuatu.

Raminah Hj.Sabran (1989) menjelaskan sikap adalah satu proses yang mentejmahkan perasaan ke dalam perilaku bagi menyatakan sesuatu maksud yang hendak dicapai.

The Illustrated Dictionary (1978) (dalam Hashim Haji Abdullah, 1988) menjelaskan sikap adalah *attitude* yang bermaksud *settled behavior* atau *settled mode of thinking*. Kesimpulannya sikap bleh dikatakan sebagai satu cara untuk berfikir dan bertindak.

Hassan Langgulung (1977) (dalam Mohammad Mrzuki Ariffin,1992), menjelaskan sikap seseorang pelajar dipengaruhi oleh alam sekitar, sosial dan unsur-unsur budaya yang mengandungi perkara-perkara seperti kepercayaan, ideologi, cara berfikir atau gaya hidup.



Berdasarkan pendapat-pendapat diatas, bolehlah disimpulkan bahawa sikap merupakan faktor untuk mewujudkan gerakbalas seseorang terhadap sesuatu objek. Sikap juga didorong oleh minat seseorang itu terhadap objek atau pendapat. Jika darjah minat itu tinggi maka ia boleh dikategorikan sebagai sikap yang positif dan sebaliknya. Dalam kajian ini sikap merujuk kepada sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris. Perbincangan definisi tentang sikap dalam kajian ini tertumpu kepada dua pembolehubah iaitu sikap terhadap matapelajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris dan pencapaian pelajar terhadap matapelajaran tersebut di dalam peperiksaan yang dikaji.



1.8.2 Pencapaian Akademik Pelajar.

Howard Nicholls (1987), menyatakan bahawa akademik adalah sesuatu yang berkaitan dengan hal-hal pendidikan yang formal. Pencapaian pula ditakrifkan sebagai tingkat kecekapan yang dicapai oleh pelajar dalam bidang akademik atau persekolahan. Menurut Kerlinger (1973) (dalam Tan Hui Ling, 1995), pencapaian akademik merujuk kepada skor-skor atau gred yang dicapai oleh para pelajar dalam sesuatu ujian atau peperiksaan umum. Borg (1981), memberikan pandangan yang selaras dengan Moser (1977) dan Tyler (1975), yang menyatakan pencapaian akademik sebagai kemampuan pelajar untuk mendapat gred atau markah yang baik bagi setiap matapelajaran yang diambil



dalam peperiksaan. Kesimpulannya pencapaian merujuk kepada apa yang telah dihasilkan atau memperolehi apa yang sesuai dengan keinginannya.

Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada keputusan atau gred peperiksaan yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam mata pelajaran Sains dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Satu, Gred tersebut dikelaskan seperti jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2 Pengkelasan Gred Pencapaian Pelajar

Markah	Gred	Status
80 – 100	Pangkat A	Cemerlang
60 – 79	Pangkat B	Kepujian
50 – 59	Pangkat C	Baik
40 – 49	Pangkat D	Lulus
0 - 39	Pangkat E	Gagal

1.8.3 Pelajar

Pelajar Sains Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), tingkatan dua sekolah menengah harian biasa di daerah Dungun, Terengganu. Sampel kajian yang diuji adalah seramai 100 orang. Pemilihan sampel adalah secara

rawak dari lima kelas tingkatan dua iaitu kelas 2KA1, 2KA2, 2KA3, 2KA4 dan 2KA5. Kedudukan pelajar di dalam kelas ini berdasarkan pencapaian mereka dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Satu. Namun begitu pelajar dalam kelas 2 KA1 terdiri daripada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 2A 3B di dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

1.8.4 Tempat Kajian (sekolah)

Sekolah ini telah dikategorikan sebagai sebuah sekolah menengah kebangsaan bantuan penuh kerajaan yang mempunyai satu sesi persekolahan iaitu sesi pagi sahaja. Pelajarnya terdiri dari berbilang kaum iaitu Melayu, Cina dan India dengan nisbah 60:20:20. Ia terletak di pinggir bandar Dungun dan merupakan di antara sekolah yang baru di kawasan ini.


1.8.5 Pengajaran Sains menggunakan Bahasa Inggeris

Merujuk kepada penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kepada mata pelajaran Sains dan Matematik yang mula dilaksanakan pada Januari 2003, yang melibatkan pelajar-pelajar tahun satu, tingkatan satu dan enam rendah. Kajian ini memfokuskan kepada pelajar-pelajar tingkatan dua yang telah mengikuti P&P Sains dalam Bahasa Inggeris semasa mereka berada di Tingkatan Satu (2009).

1.9 Model Konseptual

Merupakan satu rangka konsep bagi melihat perkaitan diantara dua pemboleh ubah yang digunakan dalam satu-satu kajian, dalam konteks kajian ini dua pemboleh ubah yang dikenal pasti bagi melihat persoalan kajian ialah pemboleh ubah tentang sikap dan pemboleh ubah yang berkait dengan gred pencapaian pelajar dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah(UPSR) dan Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Satu. Model ini diubah suai daripada model *Attitude Behavior Description Questionnaire* oleh Hemphil (1987) (dalam Noraini Ramli, 2000).

Rajah 1 Model Konseptual Mengkaji Sikap Pelajar dan Pencapaian Akademik





1.10 Kesimpulan

Pelaksanaan dasar pengajaran Matematik dan Sains menggunakan Bahasa Inggeris ini telah mendapat reaksi positif dan negatif dari kalangan masyarakat dan juga beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Oleh itu adalah lebih baik kajian dilakukan untuk melihat adakah pelaksanaan dasar ini memberi kesan terhadap pencapaian pelajar khususnya dan amnya kepada Dasar Pendidikan Negara Malaysia.

